

24 JUN 2023 / 5 ذوالحجة 1444

ICIU2023 : Memperkasa pendidikan tinggi Islam Abad Ke-21

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

GADONG, Khamis, 22 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Asian Islamic Universities Association (AIUA) buat julung kalinya akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Universiti-universiti Islam (ICIU2023) selama dua hari bermula 26 hingga 27 Jun 2023 dengan temanya 'Landskap Pendidikan Tinggi Islam Abad 21 : Strategi dan Hala Tuju'.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja ICIU2023, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad menyampaikan perkara tersebut pada Sidang Media mengenainya bertempat di Bilik Senat, UNISSA, di sini.

"Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UNISSA akan berkenan berangkat pada Majlis Perasmian ICIU2023 pada Selasa, 27 Jun 2023, jam 10.00 pagi, bertempat di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei, Jerudong.

"Turut sama berangkat ialah paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro Canselor UNISSA," ujarnya.

Menurutnya, antara objektif ICIU2023 berkenaan adalah untuk mengongsikan pengalaman dan amalan terbaik Institusi Pengajian Tinggi Islam (IPTI) dalam memperkasakan lagi pendidikan tinggi Islam sesuai dengan keperluan pendidikan Abad Ke-21 di samping membincangkan pelbagai isu penting dan cabaran dalam mengekalkan kerelevanan kurikulum pengajian Islam dalam mendepani perubahan global serta mencadangkan jalan penyelesaiannya.

Malah persidangan berkenaan katanya, akan menyetengahkan kertas seminar dan poster yang berkait rapat dengan skop-skop utama, iaitu kurikulum; metodologi pengajaran; penilaian; e-Pembelajaran kolaboratif; reka bentuk dan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21; isu-isu dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran Abad Ke-21.

Beliau seterusnya menjelaskan, persidangan berkenaan akan menggunakan tiga Bahasa, iaitu bahasa Melayu; bahasa Inggeris; dan bahasa Arab.

"Sukacita menyampaikan bahawa persidangan dua hari ini akan turut diserikan dengan penyampaian Kertas Perdana yang akan disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang



PENGERUSI Jawatankuasa Kerja ICIU2023, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad pada Sidang Media mengenai ICIU2023.

Abdul Aziz bin Juned, pada Majlis Perasmian nanti," tambahnya lagi.

Selain itu persidangan ICIU2023 juga terangnya, memuatkan pembentangan kertas seminar dan poster secara selari, serta ia turut menonjolkan tujuh pembentang ucapnama dari dalam dan luar negara terdiri daripada Presiden Universiti Al-Azhar As-Sharif, Kaherah, Republik Arab Mesir, Profesor Dr. Salama Gomaa Ali Daoud; Rektor UIN Antasari Banjarmasin, Indonesia & Presiden AIUA, Yang Terhormat Bapak Profesor Dr. H. Mujiburrahman; Naib Canselor Universiti Sultan Azlan Shah, Malaysia & Setiausaha Agung AIUA, Yang Berbahagia Profesor Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof; Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

(UIAM), Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak; Associate Dean College of Islamic Studies, Hamad bin Khalifa University, Qatar, Profesor Ibrahim Mohamed Zain; Dekan Fakulti Sains Islam, University of Prince Songkla Thailand, Profesor Madya Dr. Muhammad Roflee Waehama; Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal yang juga merupakan Naib Presiden AIUA.

Pada persidangan berkenaan nanti akan disertai oleh Naib Canselor / Rektor Universiti, Pegawai Eksekutif Universiti, Pegawai Utama Universiti, ahli-ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negara, mahasiswa / mahasiswi dalam dan luar negara serta individu yang berminat.

Sehubungan itu, penyertaan

masih dibukakan kepada orang ramai yang berminat sehingga Sabtu 24 Jun 2023.

Untuk makluman bersama, yuran penyertaan adalah sebanyak BND150 bagi wakil sektor kerajaan / swasta, BND100 bagi individu yang berminat dan BND70 bagi penyertaan daripada pelajar.

Dan bagi maklumat lebih lanjut, hubungi talian +673 8738393 atau +673 8284700 atau +673 8800029.

Adalah diharapkan persidangan ICIU2023 berkenaan akan berjaya merealisasikan objektifnya dan berhasil menjadi platform perkongsian ilmu, pengalaman dan amalan terbaik yang akan dapat membantu UNISSA dan IPTI lain memperkasa lagi kecemerlangan pendidikan IPTI selari dengan keperluan pendidikan Abad Ke-21.